

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK LEE TIAN SING

SOALAN : 54

Datuk Lee Tian Sing minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan alternatif bagi memperbaiki sistem pengangkutan awam di Malaysia setelah projek MRT3 dimansuhkan dan apakah komitmen Kerajaan dalam mengurangkan kesesakan jalan raya di kawasan bandar.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan pengangkutan awam tetap menjadi salah satu fokus utama kerajaan kerana ianya dapat mempertingkatkan ekonomi dan produktiviti rakyat dengan mengurangkan kesesakan lalulintas khususnya di kawasan bandar dan juga menjanjikan perkhidmatan yang lebih berkemampuan kepada semua.

Walaupun projek MRT3 telah ditangguhkan disebabkan kos yang tinggi serta tiada keperluan yang mendesak buat masa ini, kerajaan akan memberi fokus baru kepada penambahan perkhidmatan bas berhenti-berhenti bukan sahaja di sekitar Lembah Klang malah di seluruh Malaysia selaras dengan manifesto kerajaan untuk menambah baik kualiti serta liputan perkhidmatan pengangkutan awam. Di dalam konteks ini, pertambahan 10,000 buah bas akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh lima tahun.

Di samping itu, perkhidmatan rel sedia ada akan ditambah baik menerusi kerja-kerja menaiktaraf dan membaikpulih struktur landasan keretapi. Pelaksanaan projek ini telah bermula sejak November 2015 dan dijangka siap pada November 2019 menerusi Projek Menaiktaraf Kemudahan

Infrastruktur Landasan Keretapi Berkembar Elektrik di Lembah Klang sepanjang 42KM daripada Rawang ke Salak Selatan dan Sentul ke Simpang Batu. Kelajuan operasi kereta api dan kekerapan akan dapat ditingkatkan menerusi kualiti landasan yang telah dibaikpulih sekaligus dapat menggalakkan lebih ramai orang awam untuk menggunakan perkhidmatan tren. Kemudahan stesen komuter juga akan dinaiktaraf bagi memberi keselesaan kepada penumpang di 16 buah stesen yang telah dikenalpasti.

Tambahan pula, penyiapan projek LRT 3 dan MRT2 yang dijadualkan untuk beroperasi dalam beberapa tahun akan datang dijangka dapat membantu mengurangkan lagi kesesakan lalu lintas di masa hadapan.